

# 38 sertai Kursus Pengurusan Penternakan Ayam

**BINTULU:** Seramai 38 orang menyertai Kursus Pengurusan Penternakan Ayam Siri ke-3 yang diadakan di Pejabat Pusat Pertanian Putra, Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) di sini, baru-baru ini.

Menurut satu kenyataan daripada UPMKB, para peserta datang dari seluruh Sarawak, iaitu Kuching, Miri, Sibu, Belaga, Serian, Sri Aman, Lawas, Limbang, Mukah, Dalat, Kapit dan Bintangor serta Bintulu.

Pegawai Pertanian Kanan, PPP@UPMKB yang juga penyelaras dan penceramah kursus, Ts. Dr. Carlina Freddie Simol @ Rachellynna dalam kenyataan itu berkata, objektif pengajuran kursus tersebut adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta yang ingin menternak ayam dari segi keperluan umum, penyediaan reban, pengurusan dan penyelenggaraan harian sehingga penuaian.

“Turut dikongsikan juga adalah ilmu pengetahuan tentang pengurusan kesihatan ayam, penyediaan dan penghasilan

makanan untuk ayam serta penyelesaian kepada masalah yang sering dihadapi oleh penternak ayam,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengarah PPP, UPMKB, Prof. Madya Dr. Amy Halimah Rajaee berkata, kursus tersebut dijalankan selaras dengan keperluan peningkatan ilmu untuk memperkasa bidang pertanian sebagai salah satu inisiatif dalam menghadapi isu krisis sekuriti makanan negara.

“Kursus ini merupakan satu daripada rangkaian kursus yang dirancang pada 2024 dalam merealisasikan program University for Society (U4S) atau IPT for Society@Keluarga Malaysia (UNITY) melalui program pemindahan teknologi pertanian yang berpaksikan kemajuan dan kesejahteraan komuniti,” ujarnya.

Selain itu, peserta turut didedahkan semasa amali tentang pemilihan telur untuk penetasan, pemotongan paruh ayam serta cara-cara pembearian vaksin kepada ternakan ayam.